



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

Bilangan 4 Tahun 2016

Kepada

Penolong Naib Canselor (Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur)
Semua Ketua Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti/Akademi
Semua Rektor Kampus
Universiti Teknologi MARA

YBhg Dato'/Datin/Prof/Tuan/Puan

**PINDAAN PEKELILING PEJABAT PENGURUAN FASILITI BIL. 7/2011 - PERKHIDMATAN
FOOD & BEVERAGES (F&B) DI DEWAN AGONG TUANKU CANSOLOR (DATC) UiTM
SHAH ALAM**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pekeliling Pejabat Pengurusan Fasiliti Bil. 7/2011 rujukan 100-PPF(PTA. 6/7/1) bertarikh 23 Mei 2016 adalah dirujuk. Mulai **1 Oktober 2016**, Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dibolehkan mendapat perkhidmatan luar selain perkhidmatan INTEKMA Resort & Convention Centre (IRCC) sebagai pembekal utama untuk penyediaan F&B bagi aktiviti majlis yang diadakan di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC).

3. Bagi tujuan di atas, pihak YBhg Dato'/tuan/puan hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Permohonan kelulusan hendaklah dikemukakan satu (1) bulan sebelum program/majlis dilaksanakan.

4. Pusat Tanggungjawab hendaklah mematuhi dan mengikut prosedur perolehan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Pekeliling Naib Canselor Bil. 03/2014 dan surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2012.

Sekian.

Yang benar

PROF IR DR HAJI ABDUL RAHMAN OMAR, JSM
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Rujukan: Keputusan Mesyuarat Majlis Universiti (MEU) Bil. 23/2016 pada 7 September 2016 yang dikeluarkan pada 9 September 2016 Rujukan 100-UiTM(NC 36/3/12/2).

*Bil. Fail : 100-CSPI(PT.6/7/2)
Tarikh : 30 September 2016*